



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 26 MEI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	ENOUGH LIVESTOCK SUPPLY FOR AIDILADHA, SAYS MINISTRY, NATION, THE STAR, M/S – 5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	KAD FLEET DIESEL UNTUK PENYEDIA KHIDMAT PERTANIAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 3	
3.	65% OF MADA PADI FIELDS ARE READY, NATION, THE STAR, M/S – 4	
4.	GOVT MONITORING SITUATION AFTER REPORTS OF VEGETABLE PRICES HIKES, NEWS, NEW STRAITS TIMES, M/S – 6	
5.	65% OF PERLIS PADI CULTIVATION ZONES READY FOR PLANTING, NATIONAL, THE SUN, M/S – 4	
6.	DALAM RADAR KPKM, NASIONAL, SIANR HARIAN, M/S – 23	
7.	BEKALAN TERNAKAN AIDILADHA MENCUKUPI, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 16	
8.	PESAWAH DI KEDAH DIJANGKA TANAM PADI SELEPAS AIDILADHA, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 3	
9.	MASUK BAJET PEMBANGUNAN, USUL BINA JETI NELAYAN DARAT DI KAMPUNG SUNGAI BULOH, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 12	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10.	HARGA PUNCA TEMPAHAN LEMBU KORBAN KURANG, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 19	LAIN – LAIN
11.	HARGA MAKANAN DOMESTIK TERKAWAL, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 16	
12.	BEKALAN KELAPA, SANTAN CUKUP SEMPENA AIDILADHA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29	
13.	PENTERNAK, PENIAGA MULA SIBUK MENJELANG AIDILADHA, NEGARA, KOSMO, M/S – 12	
14.	PERGIAT PEMANTAUAN PASTIKAN HARGA BARANGAN TERKAWAL, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 2	
15.	PESAWAH DALAM KRISIS, RENCANA, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 15	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/5/2026	THE STAR	NATION	5

Enough livestock supply for Aidiladha, says ministry

PUTRAJAYA: The supply of livestock for Hari Raya Aidiladha is sufficient to meet nationwide demand, says the Agriculture and Food Security Ministry.

Data from the Veterinary Services Department (DVS) as of April showed that local cattle and buffalo stock was at 35,127 heads, with imported supply at 16,845 heads.

“This brings the overall supply of cattle and buffalo for sacrificial purposes to 51,972 heads, surpassing the estimated requirement of 40,420 heads for mosques, surau and slaughterhouses nationwide,” the ministry said in a statement yesterday, Bernama reported.

For goats and sheep, it said local stock amounted to 25,815 heads, with imported supply at 4,232 heads, bringing the total to 30,047 heads compared with projected demand of 22,424 heads.

Based on the projections, the ministry assured that livestock supply remains adequate to meet demand for sacrificial rituals for Hari Raya Aidiladha.

On infrastructure readiness, the ministry said 27 slaughterhouses operated by DVS across the peninsula are prepared to facilitate sacrificial slaughter activities.

“In addition, DVS has issued licences to 43 private slaughterhouses throughout the peninsula as of March 16 to provide authorised slaughtering services to the public,” it added.

The ministry said organisers intending to conduct sacrificial slaughter activities outside designated slaughterhouses, including at mosques, surau, schools, residential areas and public spaces, must obtain an external slaughter permit together with the necessary supporting documents.

It also advised the public to refer to the Guidelines on Livestock Slaughter for Sacrifice issued by DVS to ensure it is carried out smoothly and in accordance with prescribed standards.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/5/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

Kad fleet diesel untuk penyedia khidmat pertanian

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
aiman.asrol@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan meneliti pelaksanaan subsidi diesel menerusi kad fleet kepada kira-kira 7,000 penyedia perkhidmatan pertanian di seluruh negara membabitkan peruntukan sekitar RM200 juta.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, inisiatif itu dijangka memberi manfaat kepada operator mesin membajak, jentera menuai dan lori pengangkut yang di-sewa pesawah.

Katanya, ia penting bagi memastikan kelancaran aktiviti pertanian memandangkan se-

bahagian besar pesawah bergantung kepada perkhidmatan pihak ketiga untuk menjalankan kerja-kerja sawah.

“Kebanyakan pesawah tidak memiliki mesin besar sendiri dan mereka bergantung kepada penyedia perkhidmatan pertanian.

“Kerajaan setiap masa mengambil maklumat berkaitan keadaan pesawah. Baru-baru ini semasa pembajakan dan sebagainya, kita telah menghulurkan bantuan dan melihat perkembangan dari semasa ke semasa,” katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Pusat Maklumat Pertanian Kebuniti (Garden-topia) di Putrajaya, semalam.

Sebelum ini, kerajaan men-

gumumkan pembayaran insentif pembajakan kepada pesawah pada kadar RM300 sehektar yang dibayar dalam dua peringkat.

Selain bayaran pendahuluan RM200 sehektar secara sekali bayar (one-off) sebelum atau semasa kerja pembajakan dimulakan, baki RM100 sehektar pula akan dibayar selepas kerja pembajakan selesai dan disahkan oleh agensi berkaitan mengikut prosedur ditetapkan.

Mohamad berkata, pertubuhan antarabangsa termasuk Food and Agriculture Organization (FAO) menjangkakan kenaikan harga baja, susulan konflik geopolitik dunia yang menjejaskan pengeluaran ba-

han mentah seperti fosfat.

Beliau berkata, meskipun bekalan baja di Malaysia ketika ini masih mencukupi, kerajaan akan terus melaksanakan intervensi sewajarnya bagi mengurangkan kesan kenaikan harga terhadap sektor pertanian.

Mohamad turut mengakui, berlaku kenaikan harga beberapa jenis sayur di Kelantan, namun keadaan itu masih terkawal dan belum menunjukkan peningkatan mendadak secara menyeluruh.

“Kementerian melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sedang memantau keadaan itu dan laporan lanjut dijangka diperoleh dalam masa terdekat,” katanya.

'65% of Mada padi fields are ready'

With water levels rising, farmers are able to start planting soon

PUTRAJAYA: A total of 65% of padi cultivation areas under the Muda Agricultural Development Authority (Mada) are now ready for the planting season, with farmers expected to begin sowing seeds after Hari Raya Aidiladha.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said that based on observations during his visit to Perlis on Sunday, padi fields had started receiving water supplies, indicating that planting activities could proceed after Aidiladha.

"There is already water in the plots, and water levels at the dams have started to rise. I am confident they will be able to begin planting in the near future," he told Bernama after launching the Kebuniti Agricultural Information Centre or Gardentopia, a community garden model featuring a rooftop gar-

den concept, here yesterday.

He was responding to a news report on Sunday stating that only 10% of the 56,000 padi farmers in Kedah, including those in the Mada area, had begun planting activities so far, while the remaining 90% were still postponing the process due to weather concerns. "Farmers want their crops to produce good yields. But based on the current situation, I think there is sufficient water supply.

"These weather conditions are difficult to predict. Sometimes rain is forecast in the morning, but it only comes at night. So we hope they will be able to start planting soon," he said, adding that Mada is closely monitoring the situation.

Commenting on concerns over rising operating costs, Mohamad said the government has always



Healthy greens:

Mohamad harvesting vegetables after officiating Gardentopia at Wisma Tani. — Bernama

taken note of the issue and continues to provide assistance.

On Gardentopia, he said the initiative demonstrates the government's commitment to strengthening the national food security

and empower farming practices among the people through the Home Garden (Kendiri) campaign, which carries the slogan "Plant What We Eat, Eat What We Plant".

He said the initiative is also in line with the ministry's aspiration to cultivate domestic agriculture

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/5/2026	NEW STRAITS TIMES	NEWS	6

STABLE SUPPLY

Govt monitoring situation after reports of vegetable price hikes

PUTRAJAYA: The Agriculture and Food Security Ministry is waiting for a report from the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) on the recent rise in vegetable prices, particularly in Kelantan, where increases of up to RM2 per kg have been reported.

Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said Fama was monitoring the situation, with no significant price hikes detected in the Klang Valley.

“There may be price increases for some vegetables, but overall, they have not risen sharply.

“As for Kelantan, we will monitor the situation and I expect to receive a report from Fama,” he said after launching the Kebuniti

(Gardentopia) agricultural information centre here yesterday.

On concerns over the rising fertiliser costs and food inflation, Mohamad said the issue had been anticipated, with the Food and Agriculture Organisation identifying fertiliser supply as a challenge.

On supplies, he said both food and livestock supplies remained stable and sufficient.

On another matter, he said 65 per cent of padi fields under the Muda Agricultural Development Authority (Mada) were ready for the planting season.

He said planting activities were expected to resume after Hari Raya Aidiladha.



Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu launching the Kebuniti agricultural information centre in Putrajaya yesterday. NSTP

PIC BY MOHD FADLI HAMZAH

65% of Perlis *padi* cultivation zones ready for planting

PUTRAJAYA: About 65% of *padi* cultivation areas under the Muda Agricultural Development Authority (Mada) are now ready for the planting season, with farmers expected to begin sowing seeds after Aidiladha.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said water levels in *padi* fields and dams have improved following his visit to Perlis yesterday.

"There is already water in the plots, and water levels at the dams have started to rise. I am confident they will be able to begin planting in the near future," he said after launching the Kebuniti Agricultural Information Centre (Gardentopia), a rooftop community garden concept, yesterday.

He was responding to a report that only 10% of about 56,000 *padi* farmers in Kedah, including in the Mada area, had begun planting, while the rest were delaying due to weather concerns.

Mohamad said the caution among farmers was understandable due to unpredictable weather patterns that could affect yields.

"Farmers want their crops to produce good yields. But I think there is sufficient water supply.

"The weather conditions are difficult to predict. Sometimes rain is forecast in the morning, but it only comes at night. So we hope they will be able to start planting soon," he said, adding that Mada was monitoring the situation.

On rising operating costs, he said the government had taken note of the issue and continued to provide assistance, including for land preparation and agricultural inputs.

Mohamad said Gardentopia reflects the government's commitment to strengthening national food security through community participation, including civil servants and urban households.

The initiative supports the Home Garden campaign under the slogan "Plant What We Eat, Eat What We Plant", aimed at encouraging households to grow their own food.

He said urban farming could help ease living costs and respond to global challenges, including food inflation, supply chain disruptions and economic uncertainty.

Mohamad said Gardentopia also reflects the evolution of Malaysia's agricultural development through six phases, beginning with the Buku Merah initiative in 1960, followed by Buku Hijau (1974), Bumi Hijau (2006), Pertanian Bandar (2014), Pembangunan Pertanian Komuniti (2021–2025), and the current phase, Pengukuhan dan Kemampanan Komuniti Pertanian (2026–2030), with an allocation of RM30 million.

Located at Rooftop Podium 1, Wisma Tani, Gardentopia serves as a reference and training hub for edible garden farming, offering hands-on learning and technical exposure for the public, especially in urban areas. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/5/2026	HARIAN METRO	LOKAL	16

Bekalan ternakan Aidiladha mencukupi

Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memaklumkan bekalan ternakan bagi sambutan Aidiladha tahun ini mencukupi untuk memenuhi keperluan semasa di seluruh negara.

KPKM dalam kenyataan hari ini memaklumkan berdasarkan statistik Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sehingga April lalu, stok bekalan lembu dan kerbau tempatan ialah 35,127 ekor manakala bekalan diimport 16,845 ekor.

“Ini menjadikan jumlah keseluruhan bekalan lembu dan kerbau bagi tujuan korban mencecah 51,972 ekor sekali gus melebihi anggaran keperluan institusi seperti masjid, surau dan rumah sembelih yang dijangka sebanyak 40,420 ekor,” kata kenyataan itu.

Bagi bekalan kambing dan bebiri, KPKM memaklumkan stok tempatan direkodkan sebanyak 25,815 ekor manakala bekalan import 4,232 ekor, menjadikan jumlah keseluruhan 30,047



MOHD Zulkifli Embong, 58, memberi makan lembu korban sebagai persediaan sempena Aidiladha di Kampung Parit, Kuala Terengganu. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

ekor berbanding unjuran permintaan semasa 22,424 ekor.

Melalui unjuran data itu, KPKM memberi jaminan jumlah bekalan ternakan dalam negara mencukupi bagi menampung permintaan penyembelihan untuk tujuan korban tahun ini.

Dari aspek kesiapsiagaan infrastruktur, KPKM memaklumkan sebanyak 27 rumah sembelih milik DVS

di seluruh Semenanjung Malaysia sedia beroperasi bagi tujuan penyembelihan ternakan korban.

“Selain itu, DVS juga mengeluarkan lesen kepada 43 rumah sembelih swasta di seluruh Semenanjung Malaysia sehingga 16 Mac bagi menawarkan perkhidmatan penyembelihan yang sah kepada masyarakat,” menurut kenyataan itu.

KPKM memaklumkan

penganjur yang ingin menjalankan aktiviti penyembelihan korban di luar rumah sembelih seperti di masjid, surau, sekolah, kawasan perumahan dan tempat awam diwajibkan mengemukakan permohonan permit penyembelihan luar berserta dokumen berkaitan bagi mendapatkan kelulusan.

- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/5/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	23

Dalam radar KPKM

PUTRAJAYA - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan mendapatkan laporan segera daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berhubung dakwaan kenaikan harga sayur di Kelantan hingga RM2 sekilogram.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata setakat ini tidak berlaku kenaikan mendadak harga sayur di kebanyakan kawasan termasuk di Lembah Klang, kecuali melibatkan beberapa jenis sayuran tertentu.

"Di Kelantan itu (harga) kita akan pantau. Saya akan minta laporan daripada pihak FAMA dengan segera pada hari ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Pusat Informasi Pertanian Kebuniti atau Gardentopia, di sini pada Isnin.

Mohamad mengulas laporan mengenai peningkatan harga sayur di beberapa pasar di Kelantan yang mengalami kenaikan hingga RM2 sekilogram berikutan cuaca panas berpanjangan dan kenaikan kos diesel. - *Bernama*

Pesawah di Kedah dijangka tanam padi selepas Aidiladha

Putrajaya: Pesawah di Kedah dijangka memulakan penanaman padi selepas Aidiladha susulan keadaan bekalan air di kawasan jelapang padi itu yang semakin pulih.

Menteri Pertanian dan Kejaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata paras air empangan termasuk Empangan Muda kini menunjukkan peningkatan, manakala air di petak sawah juga sudah tersedia bagi membolehkan proses penanaman diteruskan dalam masa terdekat.

Katanya, setakat ini kira-kira 65 peratus kawasan sawah sudah siap dibajak dan kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) terus memantau perkembangan semasa, khususnya berkaitan faktor cuaca yang tidak menentu.

“Pertama sekali, mereka (pesawah) menunggu kemungkinan lepas raya haji untuk menanam. Air di petak telah ada dan air empangan juga mula meningkat.

“Saya yakin mereka dapat lakukan pada masa terdekat ini. Keadaan perubahan cuaca ini bukan kita boleh jangka sepenuhnya, tetapi saya lihat cuaca dan bekalan air kini semakin mencukupi,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Pusat Informasi Pertanian Kebuniti (Gardentopia), di Wisma Tani, di sini, semalam.

BH melaporkan kebimbangan terhadap bekalan air dan peningkatan kos operasi menyebabkan sebahagian besar pesawah di Kedah masih belum berani melakukan penanaman padi bagi Musim 1/2026.



Mohamad memetik sayur-sayuran selepas merasmikan Pusat Informasi Pertanian Kebuniti (Gardentopia) di Wisma Tani, Putrajaya, semalam. (Foto: Mohd Faiz Hamzah/BH)

Pengerusi Pertubuhan Pesawadaraan Pesawah Malaysia (PeSA-WAH), Abdul Rashid Yob, berkata sehingga kini hanya kira-kira 10 peratus daripada 56,000 pesawah di negeri ini termasuk di kaw-

san MADA memulakan aktiviti penanaman walaupun jadual tabur kering sepatutnya bermula sejak April dan awal Mei lalu.

Mengulas kebimbangan pesawah terhadap peningkatan kos

operasi seperti baja, racun dan penggunaan jentera, Mohamad berkata kerajaan sentiasa meneliti keperluan semasa golongan itu termasuk menyalurkan bantuan ketika musim pembajakan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/5/2026	HARIAN METRO	LOKAL	16

KRISIS BEKALAN GLOBAL

Harga makanan domestik terkawal

Bernama

Kuala Lumpur

Kerajaan terus mempergiat pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan harga barangan keperluan kekal terkawal susulan kebimbangan rakyat terhadap isu kos sara hidup dan bekalan makanan.

Menteri Ekonomi, Akmal Nasrullah Mohd Nasir berkata, ketika ini kerajaan memantau pergerakan harga barangan setiap minggu dan secara keseluruhan, harga makanan domestik masih berada dalam julat terkawal bagi tempoh 18 hingga 21 Mei lalu iaitu antara negatif dua peratus hingga 3.6 peratus.

“Pergerakan harga bagi barangan utama seperti ayam, purata harga sekarang adalah RM9.57 sekilogram. Bagi daging lembu, berita baik kerana harga turun sebanyak dua peratus kepada RM38.45 sekilogram.

“Bagi sawi, ada kenaikan



Pergerakan harga bagi barangan utama seperti ayam, purata harga sekarang adalah RM9.57 sekilogram. Bagi daging lembu, berita baik kerana harga turun sebanyak dua peratus kepada RM38.45 sekilogram”

Akmal Nasrullah



ketara sebanyak 3.6 peratus kepada RM7.08 sekilogram,” katanya semasa Taklimat Krisis Bekalan Global, semalam.

Beliau berkata, walaupun terdapat kenaikan harga bagi beberapa barangan tertentu, kerajaan mendapati masih terdapat kawasan dan premis perniagaan yang menawarkan harga lebih rendah kepada pengguna.

Akmal Nasrullah bagaimanapun mengingatkan peniaga supaya tidak me-

ngambil kesempatan dengan menaikkan harga secara tidak munasabah dalam ketidaktentuan ekonomi kini.

Pada masa sama, beliau turut menggalakkan rakyat untuk menggunakan aplikasi PriceCatcher bagi membandingkan harga barangan serta membuat pilihan pembelian yang lebih bijak.

“Jadilah pengguna yang bijak kerana kuasa membeli ada di tangan anda,” katanya.

Beliau berkata, orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat berkaitan bekalan dan harga barangan menerusi Papan Muka Pemantauan Krisis Bekalan yang telah dibuka untuk akses awam.

Mengenai status pasaran buruh, Akmal Nasrullah berkata, seramai 7,057 pekerja dilaporkan kehilangan pekerjaan pada April lalu, menyaksikan peningkatan 21 peratus berbanding 5,855 orang pada Mac.

“Walaupun angka ini lebih rendah berbanding awal tahun iaitu Januari seramai 10,658 orang dan Februari sebanyak 7,512 orang, perkembangan ini perlu diberi perhatian,” katanya.

Justeru, beliau berkata, kerajaan akan memastikan Sistem Insurans Pekerjaan atau LINDUNG Kerjaya di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial berfungsi dengan pantas untuk membantu mereka yang kehilangan pekerjaan.

USUL BINA JETI NELAYAH DARAT DI KAMPUNG SUNGAI BULOH

Masuk bajet pembangunan

Oleh Abnor Hamizam
Abd Manap
am@hmetro.com.my

Jelebu

Jabatan Perikanan Negeri Sembilan akan mengangakat usul cadangan pembinaan jeti nelayan darat di Kampung Sungai Buloh di sini, untuk dimasukkan ke dalam bajet pembangunan akan datang.

Pengarahnya, Kasim Tawe berkata, pihaknya menyokong keperluan pembinaan jeti berkenaan selain sudah mengenal pasti lokasi yang sesuai.

"Kami akan mengadakan perbincangan lanjut bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) se-

memudahkan aktiviti perikanan, terutamanya untuk urusan memungkah hasil tangkapan.

Bagi penduduk setempat, Sungai Triang bukan sekadar aliran air biasa, sebaliknya ia adalah sumber rezeki utama bagi menyara kehidupan keluarga mereka sejak turun-temurun.

Namun, ketiadaan jeti menyebabkan nelayan terpaksa mengangkut bot sehari sebelum keluar menangkap ikan.

Dalam pada itu, Kassim berkata, perancangan teliti amat diperlukan bagi menentukan lokasi yang benar-benar sesuai untuk pembinaan jeti ini.

Beliau berkata, daripada 50 nelayan darat di daerah

itu, 30 daripadanya berdaftar dengan Jabatan Perikanan dan aktif yang mencari rezeki di sepanjang Sungai Triang.

"Pembinaan jeti ini dilihat sebagai satu keperluan bagi menyediakan sistem pendaratan hasil yang lebih mudah dan menjamin keselamatan nelayan.

"Selain menjadi tempat parkir bot lebih teratur, jeti ini bakal berfungsi sebagai pusat socio-ekonomi dan berpotensi dibangunkan pusat agropelancongan serta tempat aktiviti komuniti setempat," katanya.

Bagi pihak jabatan pula, beliau berkata, kewujudan jeti sistematis akan memudahkan urusan pelepasan benih ikan ke sungai

serta memudahkan akses bagi penyaluran bantuan kepada golongan sasar.

Malah, katanya, Sungai Triang bermula dari Kampung Sungai Buloh mempunyai nilai tinggi untuk dibangunkan melalui program menyusuri sungai (river cruise) sekali gus dapat merancakkan sektor pelancongan.

Sementara itu, Kasim berkata berdasarkan rekod terdapat peningkatan tangkapan ikan oleh nelayan darat dari lima kampong di sepanjang Sungai Triang.

Katanya, pada 2023 jumlah tangkapan adalah 2,815 kilogram (kg) dan meningkat kepada 3,775 kg pada 2024 dan 4,850 kg pada tahun lalu.

■ LAPORAN Harian Metro, semalam.



■ LAPORAN Harian Metro, semalam.

darat yang sudah berjaya dilaksanakan," katanya ketika dihubungi.

Semalam, Harian Metro melaporkan nelayan darat di Kampung Sungai Buloh, di sini, memohon kerajaan membina sebuah jeti bagi

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/5/2026	BERITA HARIAN	NASIONAL	19

Harga punca tempahan lembu korban kurang

Kepala Batas: Rata-rata penternak lembu, di sini mendapati permintaan terhadap haiwan korban terbabit berkurangan tahun ini jika dibandingkan dengan tempahan, tahun lalu.

Hal ini disebabkan faktor kenaikan harga lembu di samping krisis bahan api yang mendorong lonjakan kos, sekali gus menyebabkan ramai terhenti untuk melaksanakan ibadah korban pada Aidiladha ini kerana peruntukan disimpan tidak mencukupi.

Seorang penternak, Mohd Fahizam Omar, 46, berkata tahun lalu dia menerima tempahan sehingga 60 lembu dari pihak pengurusan masjid berdekatan serta individu yang menetap di Pulau Pinang dan Kedah.

“Namun, tahun ini

kurang sikit yang saya dapat tempahan tidak lebih daripada 50 ekor yang apabila ditanya dengan penternak lain mereka juga mengalami perkara sama.

“Harga lembu memang setiap tahun akan naik, tetapi kenaikan itu sudah dijangka tetapi tahun ini kenaikan harga bersekali dengan faktor krisis minyak yang menyebabkan kenaikan harga itu bertambah sekali ganda sehingga membebankan.

“Oleh itu, tempahan pun mula jadi kurang seperti masjid jika tahun lalu tempah lebih dari 10 ekor, tetapi tahun ini kurang sikit. Sama juga individu perseorangan yang tahun lalu laksana ibadah korban sehingga tiga ekor lembu, tetapi tahun ini seekor sahaja,” katanya ketika ditemui di ladang

ternakan di Kampung Baru, Pokok Sena, di sini, semalam.

Mohd Fahizam berkata, meskipun berlaku kenaikan harga, dia tetap memastikan semua pelanggannya mendapatkan ternakan lembu pada berat sesuai untuk dilaksanakan ibadah korban.

“Saya soal lembu korban memang saya cukup teliti dan mementingkan perihal penjagaan kerana ini adalah ibadah yang memerlukan semua ternakan sihat serta bebas dari sebarang penyakit.

“Harga naik macam mana sekali pun, mereka tetap akan dapat sama sahaja macam saya jual lembu korban pada tahun sebelumnya,” katanya yang mengambil kebanyakan ternakan lembu dari Thailand.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/5/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Bekalan kelapa, santan cukup sempena Aidiladha

BAGAN DATUK: Pengusaha kelapa tua untuk santan di daerah ini giat menyiapkan tempahan menjelang sambutan Hari Raya Aidiladha selain memastikan bekalan kelapa mencukupi bagi memenuhi permintaan pengguna.

Pengusaha dan peraih kelapa santan di sini, Norman Marzuki, 40, berkata, permintaan terhadap kelapa dan santan meningkat ketika ini susulan keperluan memasak pelbagai juadah tradisional sempena Aidiladha.

Menurutnya, bagi sambutan Aidiladha tahun ini, dia tidak berdepan masalah bekalan kerana stok kelapa mencukupi dan dijangka mampu bertahan sehingga selepas perayaan.

“Dari segi bekalan semasa dan selepas hari raya tidak ada masalah kerana kami sudah membuat persediaan awal dengan menyediakan bekalan yang mencukupi.

“Pada tahun 2023 dan 2024 memang berlaku kekurangan bekalan kelapa santan, namun tahun ini keadaan berbeza apabila buah kelapa di kawasan sekitar Bagan Datuk, Rungkup, Sungai Haji Muhamad dan Sungai Batang lebat selain pokok tidak diserang penyakit,” katan-



NORMAN Marzuki menunjukkan bekalan kelapa untuk Hari Raya Aidiladha di Bagan Datuk. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

ya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurut Norman, setakat ini dianggarkan sebanyak 15,000 biji kelapa diperlukan bagi memenuhi permintaan santan sepanjang Aidiladha.

Katanya, permintaan kelapa ketika ini meningkat hampir tiga kali ganda berbanding hari biasa.

Jelasnya, pada hari biasa dia menyediakan antara 1,000 hingga 2,000 biji kelapa sehari untuk diproses menjadi santan dan

jumlah itu semakin meningkat menjelang Aidiladha.

“Saya bersyukur kerana bekalan kelapa untuk santan mencukupi bagi kegunaan orang ramai memasak lemang dan pelbagai masakan daging korban sepanjang Aidiladha.

“Jika bekalan kelapa tidak mencukupi, saya sendiri rasa tidak seronok kerana ramai pelanggan tidak dapat membeli santan untuk memasak,” katanya.

Penternak, peniaga mula sibuk menjelang Aidiladha

REMAU – Kemeriahan sambutan Hari Raya Aidiladha makin terasa apabila golongan penternak termasuk peniaga pasar semakin rancak menguruskan tempahan pelanggan masing-masing termasuk dalam urusan ibadah korban.

Seorang penternak di Kampung Tanjung Sena di sini mengakui mampu menjual sekurang-kurangnya tiga tan daging segar sempena tiga hari mantai Hari Raya Aidiladha.

Mohd. Aidil Mansor, 47, berkata, dia sudah pun memelihara lembu sejak 27 tahun lalu, namun hanya mula menjual daging segar selepas pandemik Covid-19 iaitu kira-kira lima tahun lalu.

"Sebelum ini saya jual lembu hidup sahaja, tetapi semasa Covid-19 macam tiada aktiviti yang boleh dibuat. Masa itu penternak dibenarkan untuk buat perniagaan secara tunai semasa penghantaran (COD), jadi saya jual terus daging segar.

"Jualan pada musim perayaan mampu mencecah setan sehari atau lebih bergantung kepada pembeli dan juga kudrat pekerja saya. Kalau musim mantai memang meriah. Orang mula datang selepas subuh lagi dan ada yang sanggup beratur panjang sebab harga kita murah sekitar RM30 sekilogram.

"Pembeli bukan sahaja dari kawasan Seremban, malah ramai datang dari Nilai, Sendayan dan Rantau kerana mereka beli terus di ladang," katanya.

Mohd Aidil berkata, selain jualan daging segar, dia turut menjual lembu hidup bagi ibadah korban.

"Untuk tahun ini, lebih 200 ekor lembu pelbagai saiz dengan berat sekitar 260 kilogram sehingga satu tan termasuk dijual pada harga serendah RM4,000 hingga RM20,000 seekor.



ATAS: Mohd. Aidil (kiri) mampu menjual kira-kira setan daging segar sempena Hari Raya Aidiladha.

KANAN: Orang ramai membeli barangan sebagai persiapan menyambut Aidiladha di Pasar Padang Kala, Kota Bharu semalam.



Di **Melaka**, walaupun harga daun ketupat meningkat menjelang Aidiladha, orang ramai di negeri ini tetap membeli demi memastikan juadah tradisi seperti ketupat tidak 'hilang' di pagi raya.

Bagaimanapun tinjauan Kosmo! mendapati, penjual daun ketupat di beberapa lokasi sekitar negeri ini juga semakin berkurangan berikutan masalah bekalan selain kesukaran mendapatkan daun kelapa berkualiti. Seorang peniaga, Jamilah Ma-

hat, 59, berkata, dia menjual 50 helai daun ketupat pada harga RM11, namun harga itu bergantung kepada bekalan semasa yang diperoleh dari Indonesia.

Menurutnya, daun kelapa

tempatan sukar digunakan kerana banyak yang rosak akibat serangan haiwan perosak selain pokok kelapa yang semakin berkurangan.

"Kalau di Malaysia banyak

daun berlubang dan rosak, sebab itu dari dulu memang saya ambil bekalan dari Indonesia.

"Harga pula tidak menentu. Kalau harga asal mahal, saya terpaksa naikkan harga juga, tapi biasanya saya lebihkan sehelai dua untuk pelanggan," katanya ketika ditemui di Permatang Duyong di sini semalam.

Di **Kota Bharu, Kelantan**, suasana Pasar Padang Kala dekat Melor semakin meriah apabila orang ramai terutamanya penduduk setempat mula membeli barangan dapur dan kelengkapan untuk memasak sempena sambutan Aidiladha esok.

Tinjauan di pasar itu mendapati, pelanggan mula memasuki kawasan pasar seawal pukul 7.30 pagi untuk membeli daging lembu, ayam, ikan dan sayur-sayuran.

Seorang suri rumah, Nurhapizah Ariffin, 43, berkata, dia membeli semua persiapan termasuk barangan basah dan kering di pasar tersebut bagi mengelak kelengkapan tersebut kehabisan stok jika membelinya pada saat akhir.

Menurutnya, dia juga membuat persiapan awal kerana bimbang berlaku kenaikan harga barang secara mengejut sekiranya membeli barangan ketika hampir dengan Hari Raya Aidiladha.

"Saya beli daging lembu, ayam, ikan, sayur-sayuran, bawang dan cili untuk dijadikan stok kerana kedai biasanya tidak akan beroperasi selama dua hari berturut-turut pada hari raya.

"Setakat ini, harga yang ditawarkan di Pasar Padang Kala masih kekal seperti biasa dan tidak menunjukkan peningkatan.

"Saya lihat orang ramai sudah sibuk membeli barangan keperluan hari ini (semalam) walaupun Hari Raya Aidiladha jatuh pada hari Rabu ini," katanya.



Harga makanan domestik masih berada dalam julat terkawal.

(Foto hiasan)

Pergiat pemantauan pastikan harga barangan terkawal

Papan Pemuka Pemantauan Krisis Bekalan dibuka untuk akses awam

Kuala Lumpur: Kerajaan terus mempergiat pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan harga barangan keperluan kekal terkawal susulan kebimbangan rakyat terhadap isu kos sara hidup dan bekalan makanan.

Menteri Ekonomi, Akmal Nasrullah Mohd Nasir, berkata ketika ini, kerajaan memantau pergerakan harga barangan setiap minggu dan secara keseluruhan, harga makanan domestik masih berada dalam julat terkawal bagi tempoh 18 Mei hingga 21 Mei lalu, iaitu antara negatif dua peratus hingga 3.6 peratus.

"Pergerakan harga bagi item utama seperti ayam, purata harga sekarang adalah RM9.57 sekilogram. Bagi daging lembu, berita baik kerana harga turun sebanyak dua peratus kepada RM38.45 sekilogram.

"Bagi sawi, ada kenaikan ketara sebanyak 3.6 peratus kepada RM7.08 sekilogram," katanya semasa Taklimat Krisis Bekalan Global, semalam.

Beliau berkata, walaupun berlaku kenaikan harga bagi beberapa barangan tertentu, kerajaan mendapati masih ada kawasan dan premis perniagaan menawarkan harga lebih rendah kepada pengguna.

Akmal Nasrullah bagaimanapun mengingatkan peniaga supaya tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga secara

tidak munasabah dalam ketidaktentuan ekonomi kini.

Pada masa sama, beliau turut menggalakkan rakyat menggunakan aplikasi *PriceCatcher* bagi membandingkan harga barangan serta membuat pilihan pembelian yang lebih bijak.

"Jadilah pengguna yang bijak kerana kuasa membeli ada di tangan anda," katanya.

Jumlah hilang kerja meningkat

Beliau berkata, orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat berkaitan dengan bekalan dan harga barangan menerusi Papan Pemuka Pemantauan Krisis Bekalan yang sudah dibuka untuk



Akmal Nasrullah

akses awam.

Mengenai status pasaran buruh, Akmal Nasrullah berkata, seramai 7,057 pekerja dilaporkan kehilangan pekerjaan pada April lalu, peningkatan 21 peratus berbanding 5,855 orang pada Mac.

"Walaupun angka ini lebih rendah berbanding awal tahun, iaitu Januari seramai 10,658 orang dan Februari iaitu 7,512 orang, perkembangan ini perlu diberi perhatian," katanya.

Katanya, kerajaan akan memastikan Sistem Insurans Pekerjaan atau LINDUNG Kerjaya di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) berfungsi dengan pantas untuk membantu mereka yang kehilangan pekerjaan.

BERNAMA

Ibadat&Fadilat

Abu Masu'ud al-Ansari RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda:
"Apabila seorang Muslim memberikan belanja kepada keluarganya semata-mata kerana mematuhi Allah, maka ia mendapat pahala." (HR Bukhari)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:48	1:18	4:42	7:31	8:46
Alor Setar	5:49	1:18	4:42	7:30	8:45
P. Pinang	5:50	1:18	4:42	7:29	8:44
Ipoh	5:50	1:16	4:40	7:25	8:40
Kuala Lumpur	5:49	1:13	4:37	7:21	8:36
Shah Alam	5:49	1:13	4:37	7:21	8:36
Johor Bahru	5:43	1:04	4:28	7:10	8:24
Kuantan	5:44	1:07	4:31	7:15	8:29
Seremban	5:49	1:12	4:36	7:19	8:33
Bandar Melaka	5:48	1:11	4:35	7:17	8:31
Kota Bharu	5:42	1:11	4:35	7:23	8:33
K. Terengganu	5:39	1:07	4:31	7:17	8:32
Kota Kinabalu	4:47	12:15	3:39	6:26	7:41
Kuching	5:18	12:40	4:03	6:45	7:59

AHMAD ZUBIR
IBRAHIM

TERDAPAT laporan menjelaskan bahawa hampir 90 peratus pesawah belum memulakan penanaman padi akibat kekurangan air. Gangguan pada peringkat awal penanaman ini membawa implikasi besar terhadap sekuriti makanan negara yang menyentuh sekurang-kurangnya dua dimensi utama: Ketersediaan dan kestabilan. Kelewatan penanaman akan mengurangkan jumlah pengeluaran tahunan, sekali gus memberi tekanan kepada tahap sara diri tanaman ini sebagaimana yang disasarkan. Jika pengeluaran domestik terus merosot, Malaysia akan semakin bergantung kepada pasaran antarabangsa yang juga tidak stabil, terutama dalam era ketidaktentuan geopolitik dan perubahan iklim global.

Secara tradisinya, pesawah bergantung kepada kitaran monsun untuk menentukan jadual penanaman. Namun, perubahan iklim global telah mengganggu pola ini di mana tempoh hujan yang semakin singkat, serta taburan hujan yang tidak sekata menyebabkan takungan air di empangan dan saliran pertanian tidak mencukupi mengakibatkan kawasan sawah kering pada waktu kritikal, sekali gus memaksa pesawah menagguhkan penanaman dan akhirnya mengganggu keseluruhan kitaran tanaman, termasuk masa pembajaan, kawalan perosak dan akhirnya hasil tuaian.

Dari sudut sosioekonomi, kelewatan penanaman bermakna pesawah akan kehilangan pendapatan, sedangkan kos operasi seperti sewa tanah dan input pertanian terus meningkat. Dalam jangka panjang, keadaan ini boleh menjerumuskan pesawah ke dalam kitaran hutang dan menjejaskan kelangsungan hidup mereka.

Realitinya, sebahagian besar pesawah di negara ini tergolong dalam kumpulan rentan yang bergantung kepada bantuan kerajaan untuk kelangsungan hidup. Bantuan seperti subsidi baja, insentif pengeluaran dan bantuan tunai sememangnya membantu mengurangkan beban kos pengeluaran, namun ia juga mencerminkan bahawa sektor ini belum mencapai tahap daya tahan ekonomi yang kukuh. Ketergantungan kepada

Pesawah dalam krisis



ISU kelewatan penanaman akibat kekurangan air perlu dilihat sebagai *wake-up call* kepada semua pihak berkepentingan.

bantuan ini menunjukkan bahawa margin keuntungan pesawah adalah kecil dan tidak stabil, sekali gus menjadikan mereka mudah terdedah kepada sebarang gangguan seperti kelewatan musim atau kenaikan kos input.

Pendapatan pesawah yang bersifat bermusim turut menambah kerentanan mereka. Pendapatan hanya diperoleh selepas musim menuai, berbanding perbelanjaan harian perlu ditanggung setiap hari memaksa ramai pesawah untuk membuat pinjaman, sama ada daripada institusi kewangan yang sah mahupun orang tengah. Pinjaman ini sering datang dengan syarat yang membebankan, termasuk kadar faedah tinggi atau perjanjian tidak formal yang mengikat pesawah kepada pihak tertentu. Akibatnya, pesawah terperangkap dalam kitaran hutang yang sukar diputuskan.

Ketergantungan kepada orang tengah di sepanjang rantaian pengeluaran makanan terutama dalam perkhidmatan mekanisasi masih sukar diatasi. Walaupun mekanisasi adalah satu keperluan dalam meningkatkan produktiviti, hakikatnya pesawah tidak memiliki akses kepada aset sendiri menyebabkan mereka bergantung sepenuhnya kepada pihak ketiga. Keadaan ini memberi ruang kepada orang tengah untuk mengawal harga perkhidmatan dan jadual kerja, yang kadangkala

tidak selaras dengan keperluan agronomi tanaman padi. Akibatnya, kecekapan pengeluaran terjejas dan mengakibatkan kos meningkat.

Satu lagi isu kritikal yang sering terlepas pandang ialah kekurangan aset manusia dalam kalangan pesawah. Rata-rata petani padi masih lagi mempunyai tahap pendidikan dan kemahiran yang terhad, khususnya dalam aspek teknologi pertanian moden, pengurusan kewangan dan inovasi. Kekurangan latihan dan pendedahan ini menyebabkan mereka terus bergantung kepada kaedah tradisional dan kurang berupaya untuk mempelbagaikan sumber pendapatan. Dalam jangka panjang, keadaan ini mengukuhkan lagi ketergantungan mereka kepada sektor padi walaupun pulangnya tidak menentu.

Dapatan kajian yang dijalankan oleh penulis turut mengukuhkan gambaran ini, di mana majoriti pesawah didapati mempunyai tahap simpanan yang sangat rendah. Simpanan yang ada bersifat sementara dan kebanyakannya diperuntukkan sebagai modal pusingan untuk musim penanaman seterusnya. Ini bermakna pesawah tidak mempunyai jaringan keselamatan kewangan yang mencukupi untuk menghadapi kecemasan atau kegagalan tanaman. Apabila berlaku gangguan seperti kekurangan air, mereka bukan sahaja kehilangan

pendapatan, malah berisiko kehilangan modal untuk musim berikutnya.

Dalam konteks ini, isu kelewatan penanaman akibat kekurangan air perlu dilihat sebagai *wake-up call* kepada semua pihak berkepentingan. Walaupun kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk intervensi namun ia tidak dapat menyelesaikan punca masalah utama dalam tanaman ini. Justeru, pendekatan yang lebih holistik dan bersepadu perlu dilaksanakan bagi memastikan kelangsungan sektor padi dan kestabilan bekalan beras negara.

Langkah segera yang perlu diambil adalah memastikan bekalan air mencukupi melalui pengurusan sumber air yang lebih efisien. Penilaian semula terhadap keberkesanan projek pengairan sedia ada perlu dilakukan bagi memastikan sumber air sampai ke petak-petak sawah. Polisi berkaitan penggunaan air juga perlu diteliti semula. Persaingan penggunaan air di antara sektor domestik, industri, dan pertanian menyebabkan sektor pertanian sering menjadi pihak yang terjejas. Pada masa yang sama, bantuan kecemasan kepada pesawah yang terjejas boleh dipertimbangkan bagi mengelakkan mereka terjerumus ke dalam krisis kewangan yang lebih parah. Insentif khas juga boleh diberikan untuk menggalakkan penanaman alternatif jangka pendek sekiranya musim padi

terpaksa ditangguhkan.

Pada masa yang sama, fokus perlu diberikan kepada peningkatan kecekapan pengeluaran dan pengurangan ketergantungan kepada orang tengah. Ini boleh dicapai melalui penyediaan skim pembiayaan mudah bagi pembelian jentera pertanian secara koperasi atau kelompok. Di samping itu, program latihan intensif perlu diperluaskan bagi meningkatkan kemahiran pesawah dalam penggunaan teknologi moden, pengurusan ladang dan perancangan kewangan. Digitalisasi sektor pertanian seperti penggunaan aplikasi untuk jadual penanaman dan pemantauan cuaca juga boleh membantu meningkatkan kecekapan.

Bagi jangka panjang, transformasi struktur sektor padi adalah amat penting. Ini termasuk pembangunan infrastruktur pengairan yang lebih moden dan berdaya tahan terhadap perubahan iklim seperti sistem pengairan pintar dan tadahan air berskala besar. Usaha perlu dilakukan untuk meningkatkan daya tarikan sektor ini kepada generasi muda melalui mekanisasi, automasi dan integrasi teknologi digital. Diversifikasi sumber pendapatan pesawah juga perlu digalakkan, contohnya melalui aktiviti hiran seperti pemrosesan produk padi atau agro-pelancangan.

Dasar harga dan pasaran perlu diteliti semula bagi memastikan pesawah mendapat pulangan yang adil. Ketelusan dalam rantaian bekalan, termasuk dalam proses penentuan harga dan potongan di peringkat kilang, perlu diperkukuhkan bagi mengurangkan eksploitasi. Pengukuhan institusi kerajaan di akar umbi boleh menjadi platform untuk meningkatkan kuasa tawar-menawar mereka.

Kegagalan pesawah memulakan penanaman bukanlah sekadar masalah sementara, tetapi manifestasi kepada kelemahan struktur dalam sektor padi negara. Jika tiada tindakan menyeluruh diambil, kesannya bukan sahaja dirasai oleh pesawah, tetapi juga oleh seluruh rakyat melalui peningkatan harga beras dan ketidaktentuan bekalan makanan.

PROFESOR Dr. Ahmad Zubir Ibrahim ialah Timbalan Dekan (Akademik & Antarabangsa), Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia (UUM).